

**KAJIAN KOMPOSISI IKAN BERDASARKAN PENGGUNAAN
PELBAGAI JENIS BUBU DI PERAIRAN PULAU KAPAS**

MUSTAPHA BIN OTHMAN

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1993

LP

364

1100023728

TERENGGANU

ark

LP 29 FPSS 1 1993



1100023728

Kajian komposisi ikan berdasarkan penggunaan pelbagai jenis
bubu diperairan Pulau Kapas / Mustapha Othman.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100023728	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
29
FPSS
1993

**KAJIAN KOMPOSISI IKAN BERDASARKAN PENGGUNAAN PELBAGAI
JENIS BUBU DI PERAIRAN PULAU KAPAS**

OLEH

MUSTAPHA BIN OTHMAN

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapat Ijazah Bacelor Sains Perikanan.

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1993

1100023728

200002812

PENGHARGAAN

Segala syukur kehadiran Allah s.w.t. Robb dan Illah semesta alam dengan limpah rahmatnya dapatlah saya menyiapkan projek ini berserta dengan laporannya.

Setinggi rakaman penghargaan kepada En. Mohd. Zaidi Zakaria selaku Penyelia projek yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan bagi menyiapkan laporan ini. Ucapan ribuan terima kasih di tujukan kepada semua kaki tangan Pusat Perikanan dan Sains Samudera yang telah banyak membantu, kepada kaki tangan bahagian 'Net-loaf' yang telah membantu dalam penyediaan pembinaan bubu dan yang bersabit dengannya, kepada kaki tangan pejabat ladang yang telah menyediakan kenderaan dan khas sekali kepada kaki tangan Pejabat Marin serta awak-awak bot Unipertama I dan III.

Buat ibu-ayah yang tercinta, adik Niah, Hashim, Brahim dan adik Dayang, setinggi salam kasih sayang disampaikan walau di manapun berada kerana telah memberi pengorbanan serta dorongan dan kepercayaan kepada saya semasa dalam pengajian di Universiti ini mahupun di mana saja.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama telah mengharungi asam garam kehidupan kampus yang secara tidak langsung telah menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam menyempurnakan projek ini.

Semoga Allah s.w.t. dengan sifat rahim serta dengan rahmatNya memberi keampunan dan keberkatan kepada kita bersama, dalam kehidupan dunia dan juga akhirat hendaknya... Amin.

ABSTRAK

Kajian Komposisi ikan perairan pantai Pulau Kapas dengan penggunaan tiga jenis bubu yang berlainan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 1992. Kawasan kajian telah dibahagikan kepada empat zon. Didapati ada perbezaan nyata terhadap komposisi dan taburan sumber perikanan di persekitaran pulau tersebut. Zon kajian 1 menunjukkan satu kawasan yang tinggi komposisi sumber perikanan, satu kawasan yang topografi dasarnya berbatu karang serta mempunyai morfologi persekitaran yang terlindung dari faktor arus dan angin kencang. Sebanyak 24 spesies ikan dari 17 jenis Keluarga diperolehi dari hasil keseluruhan tangkapan bubu di perairan pulau tersebut. Sebanyak 9 Keluarga ikan adalah jenis dagangan dengan peratusan 59 peratus dan 45 peratus ianya datang dari zon 1. Ikan yang didapati dominan diperairan pulau tersebut adalah dari keluarga Nemipteridae diikuti oleh keluarga Pentapodidae dari jenis ikan baja.

Hasil dari kajian ini juga didapati nilai kelimpahan tangkapan adalah berbeza, mengikut kecekapan bubu dan interaksinya dengan kawasan perikanan. Bubu bulat menghasilkan kelimpahan tangkapan yang tinggi dan kelimpahan ini lebih tinggi di zon kawasan kajian 1.

ABSTRACT

Three types of traps have been used to study the fish composition off Pulau Kapas water from Ogos to October, 1992. Area of study have been divided into four zones. It has been observed that there are significant differences in compositions and distribution of the fish stocks between these four zones. Zone 1 shows the highest composition which might be due to the topography of the bottom structure and the geographical site of the area. A total of 17 families which comprised 24 species have been obtained using the traps. Out of 17 families, 9 of them are the commercial fish which constitute 59 percent. Zone 1 shows the highest catch of commercial species which compute of 45 percent of the total catch. Nemipteridae is the dominant fish in the area studied followed by Pentapodidae (trash fish).

The result of the studies shows that the value of the catch availability varies between the efficiency of the traps and area studied. Cylinder trap recorded the highest value of the catch availability while in terms of area, zone 1 recorded the highest value.